



EON Inspirasi

Mohammad Nasrul

Breast Cancer

Are Men at Risk?

Men vs Women

A Genetic Perspective

Outdoor

Recreation

Trends among Youth

From Jogging

to Ka-Ching!

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



Perspektif



Perluakah Adanya Kesedaran Mengenai Pemuliharaan Hutan?



Oleh
MUHAMMAD HALIM RAZALI

UiTM Cawangan Pahang, Bandar Jengka,
26400 Bandar Tun Razak, Pahang
halimlim1719@gmail.com



EDITOR: DR. NURLIYANA MOHAMAD



Hutan ditakrifkan sebagai kawasan yang ditumbuhi pokok-pokok liar dan menjadi habitat semula jadi bagi hidupan liar. Hutan juga merupakan aset negara kita yang tiada nilai gantinya. Kedudukan Malaysia yang berada pada garisan khatulistiwa menjadikan negara ini sebagai rumah bagi hutan hujan tropika. Di dalamnya terdapat kawasan tanah pamah yang berketinggian kurang daripada 1000 meter. Kawasan hutan hujan tropika di negara kita mempunyai empat lapisan iaitu lapisan emergent atau atas, kanopi, tengah dan juga lapisan bawah. Lapisan ini menyimpan pelbagai keunikan alam flora dan fauna yang menarik. Sesetengah spesies yang dijumpai adalah endemik bagi hutan tersebut. Jadi, tidak hairanlah jika ada tangan-tangan manusia yang rakus untuk cuba memusnahkan kelestarian hutan kita. Hutan hujan tropika yang kita miliki ini antara yang tertua didunia dan haruslah dijaga dengan sebaik mungkin agar kita tidak menyesal di kemudian hari.

Menurut Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Malaysia, pihaknya menyatakan bahawa sepanjang tempoh 2020 hingga 2021, sebanyak 272 kes pembalakan haram telah direkodkan di seluruh negara dimana 111 kes berlaku di Semenanjung, 35 kes di Sabah dan 129 kes di Sarawak.

Hal ini amat menyedihkan kerana masih ada lagi pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab memusnahkan hutan kita. Kesedaran terhadap kepentingan hutan kita dan pemuliharaan mesti dipupuk dikalangan masyarakat agar mereka lebih peka dengan apa yang berlaku pada persekitaran mereka. Oleh itu, kajian telah dilakukan di UiTM Kuala Pilah untuk melihat tahap kesedaran masyarakat mengenai aktiviti pemuliharaan hutan yang dilakukan di negara ini.

Tujuan utama pemuliharaan hutan adalah untuk menjamin perlindungan sumber hutan, kepelbagaian biodiversiti dan kestabilan alam sekitar. Malaysia mengiktiraf sumber hutan semula jadi sebagai antara sumber penting yang sangat berharga dalam menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi negara dan kesejahteraan alam sekitar secara keseluruhannya.


Mengikut data yang diperolehi daripada tinjauan melalui Google Form, hanya 48% warga UiTM Kuala Pilah memahami tujuan pemuliharaan hutan. Hal ini merupakan sesuatu yang baik kerana daripada sini kesedaran itu dapat diperluaskan daripada mereka yang tahu. Kesedaran diperingkat awal boleh membantu dalam membina masyarakat yang lebih peka terhadap isu-isu yang berkaitan dengan alam semula jadi terutamanya hutan kita. Tambahan pula, kesedaran terhadap kepentingan khazanah warisan negara dapat menyelamatkan hutan kita dari anasir-anasir tidak bermoral. Masyarakat turut berperanan dalam memastikan hutan terus terpelihara, dengan memulakan gaya hidup yang lebih mesra alam. Kesedaran ini juga perlu dipupuk dari peringkat sekolah agar mereka lebih memahami pentingnya hutan terhadap kehidupan seharian kita.

Selain itu, pemuliharaan dan pengurusan hutan yang baik mampu memberikan impak yang positif yang bukan sahaja akan dinikmati oleh masyarakat kita tetapi hutan itu sendiri secara amnya. Hutan yang terjaga juga mampu merangsang dalam pembangunan ekonomi serta sosial negara.


Kesemua responden telah menyatakan bahawa pemuliharaan hutan adalah sesuatu yang perlu dilaksanakan. Responden memahami betapa pentingnya hutan yang meliputi lebih 50% kawasan tanah di negara kita. Bukan itu sahaja, nilai yang terdapat pada hutan juga amat tinggi dan mampu memastikan kestabilan dalam kalangan masyarakat. Kewujudan hutan juga memainkan peranan penting dalam mengurangkan kepanasan bumi akibat daripada perubahan iklim. Hutan juga berperanan sebagai pelindung sinaran ultraungu daripada terkena kulit manusia ataupun haiwan. Hutan yang kita miliki ini juga menjadi habitat utama bagi flora dan fauna seperti gajah, harimau, bunga rafflesia dan sebagainya.



Rajah 1: Tinjauan melalui *Google Form*



Rajah 2: Tinjauan melalui *Google Form*



Rajah 3: Tinjauan melalui *Google Form*

Kefahaman mengenai kaitan antara pemuliharaan hutan dan hidupan liar juga boleh kita lihat daripada data yang diperolehi di atas. Warga UiTM Kuala Pilah majoritinya memahami bahawa hutan dan hidupan liar saling berkait antara satu sama lain. Jika hutan kita dibiarkan tanpa sebarang tindakan, nescaya generasi akan datang tidak lagi berpeluang untuk menikmati keindahan dan keunikan flora dan fauna yang selama ini kita miliki. Jadi, pemuliharaan hutan merupakan salah satu aset dan aspek yang penting bagi negara selari dengan kemajuan yang ingin kita capai.

Namun, masih ada segelintir masyarakat kita yang tidak mengendahkan perihal ini walaupun mereka tahu akan kesan jangka panjangnya. Golongan-golongan ini lebih suka menebalkan poket dompet masing-masing tanpa memikirkan apa yang akan berlaku terhadap mereka, masyarakat yang lain dan juga alam ini. Tindakan yang dianggap sebagai mata duitan ini akhirnya akan merugikan diri sendiri dan negara. Maka, tidak hairanlah bahawa kita harus dipersalahkan atas kemerosotan hutan yang berlaku ketika ini. Walau bagaimanapun, perubahan iklim juga sedikit sebanyak menjadi faktor berlakunya kemusnahan hutan. Pihak kerajaan mestilah bertanggungjawab menjaga kelestarian hutan kita dari dicemari oleh golongan-golongan ini. Jika kemusnahan hutan dibiarkan tanpa sebarang tindakan yang proaktif dari mana-mana pihak terutamanya kerajaan, ianya akan mengakibatkan lebih banyak kesan buruk terhadap seluruh negara.


Dapat kita saksikan pada masa kini, isu-isu yang melibatkan alam sekitar semakin meruncing. Banjir besar yang berlaku di beberapa negeri di negara kita sudah seperti takwim tahunan yang pada akhirnya akan menjejaskan masyarakat kita. Hakikatnya, perubahan ini sudah dijangka dan tidak dapat dielakkan jika masyarakat kita masih mengekalkan sifat tidak mengambil endah dalam isu-isu ini. Sememangnya ada faktor-faktor lain yang mengakibatkan bencana alam tetapi sampai bila kita ingin 'mendiamkan' peranan manusia itu sendiri dalam masalah ini? Pada 2020 sahaja, negara kita kehilangan lebih 100,00 hektar hutan semula jadi yang dimusnahkan akibat pembukaan kawasan penempatan tidak terancang dan sebagainya. Justeru itu, semua pihak haruslah mengambil iktibar dan sedaya upaya menentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan kemusnahan hutan kita.

Disebalik kesemua perkara-perkara negatif yang melibatkan hutan kita, terselit undang-undang yang mampu mengawal dan memerhatikan setiap gerak-geri mereka yang menjalankan aktiviti buruk ini.


Data yang diperolehi dari kajian ini juga menunjukkan bahawa warga UiTM Kuala Pilah sedar akan kewujudan undang-undang yang mampu membanteras aktiviti penebangan hutan yang tidak terkawal. Mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993), Seksyen 15, mereka yang mengambil hasil hutan daripada Hutan Simpan Kekal tanpa lesen yang sah boleh didenda maksimum RM500,000 dan dipenjarakan tidak kurang dari 1 tahun dan tidak melebihi 20 tahun. Namun, jika diambil kira dari aspek keuntungan yang diperolehi oleh peneroka haram ini, denda yang dikenakan tidak setimbang dengan kesalahan yang dilakukan

Tambahan pula, hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri di mana setiap negeri dipertanggungjawab untuk menggubal dasar dan undang-undang perhutanan masing-masing. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk mengenakan tindakan kepada penceroboh hutan kerana setiap negeri mempunyai akta yang berlainan. Pada 28 Mac 2022, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah melaksanakan pindaan bagi Akta 313. Pindaan ini meningkatkan kadar denda maksimum sehingga 10 kali ganda dari RM500,000 kepada RM5 juta untuk membanteras kegiatan pembalakan haram. Hal ini menunjukkan komitmen tinggi pihak KeTSA untuk memelihara khazanah hutan negara yang tiada nilai gantinya.

Dapat disimpulkan dari kajian ini bahawa warga UiTM Kuala Pilah mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan hutan di negara kita. Kita sepatutnya bersyukur kerana dianugerahkan sumber hutan asli bernilai tinggi serta menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan sosio-ekonomi negara. Oleh itu, semua pihak perlulah memainkan peranan masing-masing dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di negara kita yang tercinta ini. Kempen-kempen yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan perlulah dijadikan sebagai sesuatu yang bermanfaat untuk kita fahami tentang kepentingan hutan secara lebih mendalam. Semangat seperti ini perlulah dicontohi dan dididik oleh semua pihak bagi mewujudkan keharmonian antara manusia dan juga alam semula jadi.



Rajah 4. Tinjauan melalui *Google Form*



Rajah 5. Tinjauan melalui *Google Form*
(Sumber: Muhammad Halim)